

11H9M 3 TAN: UZBEKISTAN + KYRGYZSTAN + KAZAKHSTAN



**SHYMBULAK MENAWARKAN SKI, SNOWBOARDING, CABLE CAR
DENGAN PEMANDANGAN GUNUNG TIAN SHAN, KAWASAN
BERMAIN SALKI, KAFE SERTA LOKASI POPULAR UNTUK
BERGAMBAR DAN HIKING SEPANJANG TAHUN.**

11H9M 3 TAN: UZBEKISTAN + KYRGYZSTAN + KAZAKHSTAN

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
EAT09-HY**

HARI 01 KUALA LUMPUR - TASHKENT - ALMATY

Berkumpul di KLIA Terminal 1 untuk menaiki penerbangan ke Almaty (Transit di Tashkent, Uzbekistan). Bermalam di **Almaty**.

HARI 02 ALMATY - SHYMBULAK - ALMATY

SP/MT/MM

Lawatan di **Shymbulak**:

- Bergerak ke **Medeu Gorge**, yang terkenal sebagai lokasi gelanggang luncur ais tertinggi di dunia, Medeu Skating Rink dan juga laluan utama ke Shymbulak Ski Resort.
- Menaiki cable car menuju ke **Shymbulak Mountain** yang terletak pada ketinggian 2,260 meter dari paras laut.
- Menikmati pemandangan menakjubkan **Tian Shan Mountains** sambil bergambar dan bersantai.

Lawatan di **Almaty**:

- Republic Square** ialah dataran utama di Almaty yang menjadi pusat aktiviti rasmi, upacara kenegaraan, dan acara awam. Ia terkenal dengan landskap luas, tugu peringatan, dan bangunan bersejarah di sekelilingnya.
- Independence Monument** ialah monumen bersejarah di Almaty yang dibina untuk memperingati kemerdekaan Kazakhstan, menjadi simbol patriotisme dan destinasi popular pelancong.
- Melawat **Panfilov Park**, sebuah taman bersejarah di Almaty, Kazakhstan, terkenal dengan Katedral Ascension dan tugu peringatan Perang Dunia Kedua, sesuai untuk bersiar-siar dan bergambar.
- Memorial of Glory** ialah tugu peringatan Perang Dunia Kedua di Panfilov Park, Almaty, dengan Api Abadi sebagai simbol penghormatan kepada pejuang yang terkorban.
- Zenkov Cathedral** ialah gereja kayu berwarna-warni di Panfilov Park, dibina pada 1907 dan antara bangunan kayu tertinggi di dunia.

Bermalam di **Almaty**.

HARI 03 ALMATY - CHARYN CANYON - KOLSAY LAKE - ALMATY

SP/MT/MM

Lawatan di **Charyn Canyon**:

- Charyn Canyon** juga dikenali sebagai "Grand Canyon of Kazakhstan", merupakan salah satu destinasi pemandangan indah di Asia Tengah. Terbentuk melalui hakisan Sungai Sharyn selama berjuta-juta tahun, canyon ini terkenal dengan formasi batu unik dan pemandangan yang dramatik.
- Kolsay Lake** ialah tasik gunung yang indah di Kazakhstan, terkenal dengan airnya yang jernih, dikelilingi hutan dan banjaran Tian Shan. Ia menjadi destinasi popular untuk aktiviti seperti mendaki, berkelah, dan fotografi alam semula jadi.

Bermalam di **Almaty**.

HARI 04 ALMATY - BISHKEK

SP/MT/MM

Bergerak ke Border Kyrgyzstan "Kegen" untuk ke negara Kyrgyzstan.

Lawatan di **Bishkek**:

- Ala-Too Square**: Dataran utama Bishkek yang menempatkan Rumah Putih, Muzium Sejarah Negeri, tiang bendera negara, monumen revolusi 7 April, serta patung Chingiz Aitmatov dan Manas.
- State History Museum** ialah muzium utama negara yang mempamerkan sejarah, budaya nomad dan warisan rakyat Kyrgyz dari zaman purba hingga era moden.

- Victory Square** ialah dataran awam di Bishkek yang didedikasikan untuk memperingati kemenangan ke atas Nazi Jerman. Ia dibina pada tahun 1985 sempena ulang tahun ke-40 tamatnya Perang Dunia II.
- Osh Bazaar** ialah pasar tradisional terkenal di Bishkek, yang menawarkan pelbagai barangan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, daging, rempah ratus, pakaian, dan cenderamata tempatan. Ia juga menjadi tempat popular untuk merasa makanan tradisional Kyrgyz.

Bermalam di **Bishkek**.

HARI 05 BISHKEK - ALA ARCHA NATIONAL PARK - CHON KEMIN

SP/MT/MM

- Ala Archa National Park**: Taman negara yang terletak berhampiran Bishkek, Kyrgyzstan. Ia terkenal dengan lanskap gunung yang dramatik, sungai ais, dan laluan mendaki, menjadi destinasi popular untuk aktiviti hiking, berkelah, dan menikmati alam semula jadi.
- Meneruskan perjalanan ke **Chon Kemin Valley**, sebuah lembah yang aman dan indah, dikelilingi gunung serta kampung tradisional Kyrgyz.

Bermalam di **Chon Kemin**.

HARI 06 CHON KEMIN - TASHKENT

SP/MT/MM

- Aktiviti tambahan seperti menunggang kuda membolehkan anda menikmati suasana yang tenang, menghirup udara segar pergunungan serta merasa sendiri pengalaman budaya nomad Kyrgyz yang asli.
- Bertolak ke Tashkent dengan menaiki penerbangan domestik.

Bermalam di **Tashkent**.

HARI 07 TASHKENT - BUKHARA

SP/MT/MM

Menaiki kereta api dari Tashkent ke Bukhara.

Lawatan di **Bukhara**:

- Ark of Bukhara**: Kota pertahanan dan kediaman rasmi diraja yang masyhur di dalam Laluan Sutera yang dibina sejak abad ke-4 lagi oleh Putera Parsi Siyavusha dan di dalamnya terdapat istana, pasar, muzium dan Arslan Khan Mosque yang dibina pada 1119.
- Lyabi-Khauz Ensemble**: Merupakan sebuah kawasan yang terdiri dari 3 buah bangunan utama iaitu Kukeldash Madrasah dibina pada 1568, Nadir Divan-Begi Madrasah pada 1619 dan Nadir Divan-Begi Khanqah (yang merupakan tempat perkumpulan ahli sufi) pada 1622.
- Ismail Samani Mausoleum** ialah makam bersejarah di Bukhara yang dibina pada abad ke-10, terkenal dengan seni bina bata yang halus dan dianggap antara karya seni bina Islam terawal di Asia Tengah.
- Bolo-Khauz Complex** ialah kompleks bersejarah di Bukhara yang terkenal dengan masjidnya yang mempunyai tiang kayu berukir indah serta kolam air di hadapan, melambangkan seni bina tradisional Uzbekistan.

Bermalam di **Bukhara**.

HARI 08 BUKHARA - GIJDUVAN - SAMARKAND

SP/MT/MM

Bergerak ke bandar Gijduvan:

- Gijduvan School of Ceramics**: Melihat pembuatan barang seramik Gijduvan yang cukup terkenal dengan ukiran bentuk geometri berwarna hijau dan biru.
- Meneruskan perjalanan dengan bus persiaran ke Samarkand.

Lawatan di **Samarkand**:

- Kompleks Imam al-Bukhari** merupakan pusat ziarah utama umat Islam dan simbol penghormatan kepada beliau, serta dianggap sebagai salah satu tempat suci penting di Asia Tengah.
- Mausoleum of Gur-e Amir** ialah makam diraja di Samarkand, dan tempat persemadian Amir Timur. Ia terkenal dengan kubah biru yang indah serta seni bina Islam yang megah, dan merupakan antara mercu tanda bersejarah paling penting di Asia Tengah.

Bermalam di **Samarkand**.

Lawatan di **Samarkand**:

- **Registan Square**: Merupakan dataran yang paling ikonik mewakili negara ini dan kawasan terpenting bagi kota kuno Samarkand yang berusia sama tua dengan kota Rome dan Babylon. Dataran ini menempatkan 3 buah bangunan iaitu Ulugh Beg Madrasah yang dibina pada 1417, Sher-Dor Madrasah yang dibina pada 1619 dan Tilya-Kori Madrasah pada tahun 1646, selain di sini terdapat juga Mausoleum of Shaybanids.
- **Shah-i-Zinda Ensemble**: Sebuah kota yang merangkumi kediaman, pemakaman dan masjid untuk keluarga diraja Dinasti Timurid yang dibina sedari abad ke-11 lagi. Makam pertama yang terdapat di sini dikatakan milik saudara Rasulullah SAW, Kusam ibn Abbas yang datang ke kota ini pada abad ke-7 bagi menyebarkan agama Islam.
- Masa bebas untuk membeli-belah di **Siab Bazaar** yang terkenal dengan pelbagai jenis kacang dan buah-buahan kering yang terletak berhampiran dengan Bibi-Khanyim Mosque ini.
- Menaiki keretapi dari Samarkand ke Tashkent.

Lawatan di **Tashkent**:

- **Tashkent Magic City** merupakan taman hiburan moden yang menawarkan pelbagai tarikan bertema dengan suasana yang menarik dan sesuai untuk semua pengunjung.

Bermalam di **Tashkent**.

Lawatan di **Chimgan Mountain**.

- Menikmati pemandangan panorama dan berfoto kawasan pergunungan bertasik **Chimgan Mountains** yang cukup indah dan paling terkenal di sini.
- Menaiki cable car menuju ke puncak **Beldersay Peak** yang setinggi 3309m dan berfoto di sekitar kawasan tasik Charvak Lake yang terbentuk dari Chirchik River.

Lawatan di **Tashkent**:

- Berfoto dan bersiar-siar di **Independence Square** yang dibina sebagai simbol kemerdekaan Uzbekistan, di mana di dataran ini terdapat beberapa monumen seperti Independence Monument, Happy Mother Monument dan lain-lain.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

Tiba di lapangan terbang KLIA.



PERTUKARAN MATA WANG



UZBEKISTANI SOM
UZS 1000 = RM 0.40
KAZAKHSTANI TENGE
KZT1000 = RM 9.00
KYRGYZ SOM
KGS100 = RM 5.00



PERBEZAAN WAKTU

Uzbekistan: GMT+5 Malaysia: GMT+8
Kazakhstan GMT+5 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - Ogos



Musim Luruh:

Sept - Oktober



Musim Sejuk:

Disember - Feb



Musim Bunga:

Mac - Mei

MAP



TOUR HIGHLIGHTS

1.



CHARYN CANYON

Dikenali sebagai "Grand Canyon of Kazakhstan", merupakan salah satu destinasi pemandangan indah di Asia Tengah. Terbentuk melalui hakisan Sungai Sharyn selama berjuta-juta tahun, canyon ini terkenal dengan formasi batu unik dan pemandangan yang dramatik.

2.



ALA ARCHA NATIONAL PARK

Menawarkan pemandangan pergunungan Tian Shan, sungai, air terjun, dan hutan pain, sesuai untuk hiking, trekking, camping, dan menikmati alam semula jadi sepanjang tahun.

3.



REGISTAN SQUARE

Merupakan dataran yang paling ikonik mewakili negara ini dan kawasan terpenting bagi kota kuno Samarkand yang berusia sama tua dengan kota Rome dan Babylon. Dataran ini menempatkan 3 buah bangunan iaitu **Ulugh Beg Madrasah** yang dibina pada 1417, **Sher-Dor Madrasah** yang dibina pada 1619 dan **Tilya-Kori Madrasah** pada tahun 1646, selain di sini terdapat juga **Mausoleum of Shaybanids**.

4.



KOMPLEKS IMAM AL-BUKHARI

Merupakan pusat ziarah utama umat Islam dan simbol penghormatan kepada beliau, serta dianggap sebagai salah satu tempat suci penting di Asia Tengah.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Almaty	3 Mlm
Bishkek	1 Mlm
Chon Kemin	1 Mlm
Tashkent	2 Mlm
Bukhara	1 Mlm
Samarkand	1 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	HY 554	KUL - TAS	1140	1640
1	HY 765	TAS / ALA	2040	2210
6	HY 778	BSZ / TAS	1850	1910
10	HY 553	TAS / KUL	2305	0935 ⁺¹

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcay minyak dan cukai penerbangan.
- Tiket penerbangan domestik Tashkent – Almaty / Bishkek - Tashkent kelas ekonomi termasuk surcay minyak dan cukai penerbangan.
- Tiket keretapi Tashkent– Bukhara / Samarkand - Tashkent.
- Pass menaiki cable car di Chimgan Mountains dan Shymbulak Ski Resort.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan seperti aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih professional.
- Tip untuk tour guide dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcay tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.